

**PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT ADAT PERPATIH:
TUMPUAN KEPADA PERUBAHAN DALAM LUAK ULU MUAR, KUALA PILAH**

MOHD KAMAL BIN SALUDIN

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**


2001



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 hb. Mac 2001 M
07 Zulhijjah 1420 H



(MOHD KAMAL BIN SALUDIN)
A 60585

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi
Maha Penyayang

Alhamdulillah segala puji hanya bagi Allah Tuhan Semesta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W.), keluarganya serta para sahabat yang dimuliakan baginda. Sepenuh kesyukuran penulis panjatkan kehadiran Allah (S.W.T.) kerana dengan rahmat dan taufik hidayahNya Latihan Ilmiah yang bertajuk, "Perkembangan Sosio-ekonomi Masyarakat Adat Perpatih: Tumpuan Kepada Perubahan Dalam Luak Ulu Muar, Kuala Pilah" telah dapat disiapkan dengan jayanya.

Menerusi ruangan yang terhad ini, pertama sekali penulis dengan rasa sukacitanya ingin melahirkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu, Puan Zubaidah V.P. Hamzah yang telah banyak membimbing penulis sepanjang usaha ini dijalankan. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah dan tutor di Fakulti Sains Kemsyarakatan Dan Kemanusiaan terutamanya pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah dan Jabatan Persuratan Melayu.

Penghargaan yang paling istimewa dikalungkan buat ayah dan bonda yang tercinta iaitu Saludin Bin Mohd Amin dan Robiah Binti Othman yang telah banyak berkorban, semoga Allah Taala sentiasa melimpahkan rahmat dan kesejahteraan kepada mereka. Tidak dilupakan ucapan terima kasih buat adik-adik tercinta Mohd Noorizam, Mohd Nasir, Mohd Rosli, Salina, Mohamed dan Norshamsila. Pengorbanan kalian semua akan tetap abadi di sepanjang hayat penulis.

Penghargaan paling istimewa buat Hasni Mohamad dan anak-anak Hazirah, Hanisah, Mohd Hazim dan Mohd Helmi kerana tidak jemu memberi sokongan, dorongan dan sumber inspirasi kepada penulis.

Segala nasihat dan sokongan kalian semua adalah motivasi dan akan tetap abadi di dalam sanubari penulis sepanjang hayat. Wassalam.

Mohd Kamal Bin Saludin
53, Jalan Wira 6,
Taman Wira Jaya,
72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan melihat secara analisis bagaimana suatu masyarakat itu terbentuk, berkembang dan berubah akibat pengalaman sejarah yang mesti dilalui oleh tiap-tiap masyarakat. Dalam proses ini tidak bermakna sesuatu masyarakat akan berubah sepenuhnya, kerana setiap masyarakat ada ciri-ciri unggul yang tersendiri bagi mengidentifikasikan kewujudan sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, pemilihan tradisi Masyarakat Adat Perpatih dikatakan satu-satunya masyarakat di Malaysia yang mengamalkan tradisi nasab ibu atau matrilineal sejak berabad-abad lamanya. Dalam evolusi yang memakan masa berabad ini, masyarakat Adat Perpatih sebagai sebuah tradisi sosial, telah mengalami perubahan yang boleh diteliti urutan sejarahnya berdasarkan tiga period iaitu period pemerintahan tradisional, period penjajahan Inggeris dan period selepas kemerdekaan. Masyarakat Adat Perpatih dikatakan mula terpinggir dengan pengenalan undang-undang moden yang nyata lebih dominan daripada undang-undang adat sendiri. Seperti birokrasi legal dan sistem perekonomian moden. Akir sekali kita dapat lihat perubahan isi kandungan amalan masyarakat Adat Perpatih yang disesuaikan dengan kehendak zaman yang serba maju.

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	iii
Sinopsis	v
Kandungan	vi
Senarai Carta	ix
Senarai Peta	x
Senarai Lampiran	xi
Pendahuluan	xiii
Tujuan Kajian	xiv
Skop Kajian	xiv
Kaedah Kajian	xv
Latar Belakang Kajian	xvi
BAB 1 : LATARBELAKANG SEJARAH PEMBENTUKAN NEGERI SEMBILAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.2 Kedudukan Luak Ulu Muar Dalam Pentadbiran Adat	7
1.3 Kedatangan Adat Perpatih	9
1.4 Struktur Pemerintahan Tradisional Kuala Pilah	13
1.5 Susunan Sosial Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar	23
1.6 Kesimpulan	25
BAB 2 : MASYARAKAT ADAT PERPATIH LUAK ULU MUAR SEMASA PENJAJAHAN INGGERIS	

2.0	Pendahuluan	27
2.1	Campurtangan British Dalam Pentadbiran Luak Ulu Muar	29
2.2	Perubahan Peraturan Tanah Adat Luak Ulu Muar	34
2.3	Perubahan Sosio-politik	39
2.4	Perubahan Pola Penduduk Luak Ulu Muar	41
2.5	Perubahan Dalam Pendidikan	44
2.6	Penjajahan: dilihat Dari Sudut Kesan Ke Atas Perjalanan Sistem Beradat	47
2.7	Kesimpulan	54
BAB 3 :	PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI AWAL KEMERDEKAAN	
3.0	Pendahuluan	57
3.1	Keadaan Sosial dan Pertelingkahan Adat	58
3.1.1	Krisis Kepimpinan Luak Ulu Muar	60
3.1.2	Faktor Penyebab Berlakunya Konflik Adat	63
3.2	Perubahan Ekonomi	65
3.3	Kesan Pertumbuhan kawasan Perindustrian	69
3.4	Perubahan Dalam Sektor Pertanian dan Penggunaan Tanah	71
3.5	Kesimpulan	75
BAB 4 :	MASYARAKAT ADAT PERPATIH DALAM ERA KEMAJUAN GLOBALISASI	
4.1	Pendahuluan	78
4.2	Ekonomi Adat Perpatih Dalam Era Modenisasi dan Perindustrian	79
4.3	Perubahan Sosial Masyarakat Adat Perpatih 1980-1990	89

Halaman

4.4	Amalan Adat Perpatih Kuala Pilah: Dari Sudut Pandangan Islam	92
4.5	Amalan yang Bertentangan Dengan Fahaman Islam	96
4.6	Kesimpulan	97
BAB 5	PENUTUP	98

Halaman

SENARAI CARTA

Carta 1	Struktur Pentadbiran Luak Ulu Muar	16
Carta 2	Struktur Pentadbiran Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar	40
Carta 3	Pentadbiran Legal-Birokrasi Inggeris Di Kuala Pilah	41

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual	1	Raja-raja Yang Memerintah Negeri Sembilan Sejak Raja Melewar	3
Jadual	2	Bilangan Empat Lembaga Utama Luak Ulu Muar	22
Jadual	3	Struktur dan Kepimpinan Semasa Penjajahan Inggeris.	56
Jadual	4	Taburan Tanah Adat Mengikut Daerah	73
Jadual	5	Tanah Terbiar di Luak Ulu Muar.	85

SENARAI GAMBAR

- | | | |
|--------|---|--|
| Gambar | 1 | Kawasan Pertanian dan kebun yang terbiar |
| Gambar | 2 | Kawasan Pertanian Yang Terbiar. |
| Gambar | 3 | Kawasan Sawah Padi Yang Dibersihkan Untuk Tanaman Sayuran Dan Jagung |
| Gambar | 4 | Rumah Tradisi Minangkabau Yang Semakin Kurang |

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|---|
| Lampiran 1 | Susunan Pentadbiran Suku Tanah Datar Luak Ulu Muar |
| Lampiran 2 | Cop Mohor Penghulu Luak Ulu Muar |
| Lampiran 3 | Senarai Penghulu dan Lembaga Luak Ulu Muar. |
| Lampiran 4 | Gambar Dato' Bendahara Setia Maharaja Setia Maharaja Lela
Pahlawan, Penghulu Luak Ulu Muar |
| Lampiran 5 | Gambar Ketua-ketua Suku Di Luak Ulu Muar. |
| Lampiran 6 | Bibliografi |
| Lampiran 7 | Glosari |

PENDAHULUAN

Luak Ulu Muar adalah kawasan adat yang terdapat di dalam Luak Tanah Mengandung. Luak Tanah Mengandung tersebut adalah sama tarafnya dengan Luak Berundang yang lain seperti Luak Sungai Ujong, Luak Jelebu, Luak Johol dan Rembau. Masyarakat Adat Perpatih di Luak Ulu Muar ini mengamalkan kehidupan yang berteraskan Adat Perpatih. Dalam melalui zaman dan masa masyarakatnya berubah dalam segala aspek kehidupan. Aspek utama yang ketara ialah sosial dan ekonominya.

Perubahan-perubahan yang berlaku itu adalah seiring dengan unsur-unsur modenisasi yang dijalankan oleh pemerintah. Bermula dengan perubahan yang dijalankan di bawah pemerintahan penjajah Inggeris hinggalah pemerintah hari ini, telah banyak amalan dan struktur yang ada dalam adat itu turut berubah. Perubahan yang berlaku menyebabkan hampir keseluruhan aspek sosial-ekonomi tidak diamalkan lagi sepenuhnya.

Dalam perkembangan ini Adat Perpatih tidak dapat di pertahankan dengan kemasukan nilai-nilai Barat melalui struktur pentadbiran dan media massa. Kemudian sikap dan nilai baru telah memberi impak yang banyak kepada amalan dan pegangan kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Terutama sekali berkaitan dengan sistem idea masyarakat yang menitikberatkan konsep kekeluargaan

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan supaya masyarakat yang mengikuti perkembangan adat perpatih dapat meneliti kedudukan Adat Perpatih dalam masyarakat Melayu Luak Ulu Muar, Kuala Pilah. Kita perlu melihat adat ini secara keseluruhannya. Sebelum ini kajian yang dijalankan adalah menjurus kepada isi kandungan adat tersebut dari sudut sastera. Memandangkan itu penulis berminat untuk meneliti tentang Adat Perpatih itu di dalam kehidupan masyarakat lingkungannya.

Melihat pengaplikasian adat perpatih dari sudut sejarah. Jika di dalam kesusasteraan kita hanya menekankan apa yang terkandung di dalam adat tersebut. Di dalam kajian ini kita dapat meneliti amalan-amalan yang masih dijalankan atau adat yang sudah tidak diamalkan oleh masyarakatnya. Dalam keadaan ini penulis meneliti kelompok yang terlibat secara langsung dalam majlis-majlis adat yang diamalkan. Antaranya meneliti perkembangan pemikiran ketua-ketua adat dan anak-anak buahnya yang masih mempertahankan budaya tersebut.

SKOP KAJIAN:

Kajian ini secara umumnya melihat perkembangan sistem adat perpatih daripada tiga tahap period. Pertama zaman sebelum merdeka, iaitu pada zaman pemerintahan raja-raja dan pembesar Melayu. Kajian akan dimulakan dengan memasukan fakta pembentukan masyarakat adat Perpatih Negeri Sembilan dan daerah Kuala Pilah. Kemudian kajian akan melihat pula bagaimana pemerintahan Inggeris menyebabkan banyak perubahan-perubahan ketara dari segi pentadbiran sistem adat di Luak Ulu Muar

Kuala Pilah. Tahap ketiga ialah period merdeka dan selepasnya.

Dalam melihat period-period ini kajian akan mengkhusus kepada bidang politik, ekonomi dan sosial. Dalam mengkaji ketiga-tiga aspek ini kita akan menyusun dan melihat bagaimana masyarakat dan adat perpatih itu mengalami beberapa perubahan yang ketara.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan dengan menemubual beberapa orang ketua-ketua adat yang masih lagi berkhidmat di Luak Tanah Mengandung, iaitu di Kuala Pilah. Antara ketua adat yang telah dikenalpasti ialah Dato' Paduka Besar Abu Hassan Bin Haji Sulaiman, Dato Orang Kaya Kecil Haji Yaakob bin Adil, Dato Maharaja Sulaiman Bin Kasan, Dato' Senara Muda Haji Pilus Maaris, Dato' Seri Maharaja Khalid Bin Bonget Dan Dato Orang Kaya Mansor Bin Shahamen.

Kaedah lain yang bakal diaplikasikan ialah kaedah perpustakaan. Iaitu dengan melihat dan mengambil sumber-sumber sekunder daripada buku, majalah, jurnal dan dokumen-dokumen kerajaan Negeri Sembilan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian ini ialah masyarakat Melayu pengamal Adat Perpatih di Luak Ulu Muar, Daerah Kuala Pilah. Juga disebut sebagai Luak Tanah Mengandung. Di dalam daerah Kuala Pilah ini terdapat lima kawasan yang di namakan luak, iaitu Luak Ulu

Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir, dan Luak Inas. Kajian akan ditumpukan khusus kepada masyarakat yang berada di dalam lingkungan adat ini.

Luak Ulu Muar mengandungi dua belas suku yang terdiri daripada suku Tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak Minangkabau, Seri Melenggang, Tiga Batu, Paya Kumbuh, Batu Belang, Anak Acheh, Batu Hampar, Seri Lemak Pahang, Tiga Nenek, dan Buanda Sungai Ujong.

BAB I

LATARBELAKANG SEJARAH PEMBENTUKAN NEGERI SEMBILAN

1.0 Pendahuluan

Kewujudan Negeri Sembilan sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat, adalah suatu proses politik yang unik. Sebagaimana kita tahu penghijrahan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan berlaku sepanjang kurun ke-15. Menurut sumber-sumber Belanda, menunjukkan Raja Melewar berada di Rembau pada tahun 1727. Beliau dikenali sebagai pemerintah Rembau¹. Ini jauh berbeza dengan tradisi lisan masyarakat Negeri Sembilan yang menuntut bahawa Raja Melewar adalah pemerintah pertama Negeri Sembilan dan beliau mula memerintah Negeri Sembilan pada tahun 1773. Walaubagaimanapun tidak mustahil Raja Melewar merupakan putera Pagaruyung yang mengasaskan Negeri Sembilan.

¹Lihat dalam Leonard Y. Andaya, *The kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975, hal. 310-311.

Sebelum itu kali pertama Negeri Sembilan disebut secara rasmi, menurut R.O Winstedt ialah dalam perjanjian bertarikh 11 November 1759 yang ditandatangani di antara David Bilen, Gabenor Melaka dengan Raja Muda Daing Kemboja dari Linggi, Raja Tua Kelang dan ketua-ketua negeri Sembilan Rembau (*Rembau and its nine countries*)²

Mengikut Khoo Kay Kim, ada kemungkinan selepas Raja Melewar mangkat, Raja seterusnya yang menjadi Yam Tuan Besar ialah Raja Lenggang Laut yang mangkat pada 1824. Maklumat ini telah menunjukkan Negeri Sembilan telah diperintah secara berturut-turut oleh raja yang dijemput dari Pagaruyong selama lebih kurang satu abad kerana ada bukti Raja Melewar berada di Negeri Sembilan antara tahun 1727.³ Dalam jangka waktu inilah Negeri Sembilan dikatakan tidak mempunyai seorang yang layak untuk ditabalkan menjadi seorang raja.

Era terkemudian dari tarikh itu menyaksikan Raja-raja yang dijemput dari Pagaruyong telah tidak diterima oleh penduduk tempatan. Penduduk tempatan sudah mula sedar tentang apa perlunya memanggil raja dari negeri lain sedangkan di dalam negeri sendiri ada individu yang layak untuk diangkat menjadi raja. Umpamanya pada 1832, Raja Labu, Yamtuan Besar yang berasal dari Pagaruyong, telah diusir oleh anak-anak raja tempatan. Peristiwa ini menandakan berakhirnya adat menjemput Yamtuan Besar dari Pagaruyong. Ini menunjukkan ada kesedaran di kalangan pembesar di Negeri

²R.O. Winstedt, 'The History, Polity and Belief of the Nine States', *JMBRAS*, Vol. XII, Pt.3, 1934, hal 57.

³Lihat dalam Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*. Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hal. 42-44

Sembilan tentang perlu atau tidaknya menjemput raja dari negeri lain untuk ditabalkan menjadi raja dan memerintah Negeri Sembilan.

Yamtuan Besar	Tahun Memerintah
Raja Melewar	1773 hingga 1795
Raja Hitam	1795 hingga 1808
Raja Lenggang	1808 hingga 1824
Raja Radin	1824 hingga 1861
Yamtuan Imam	1861 hingga 1869
T. Ampuan Intan(pemangku)	1869 hingga 1872
Yamtuan Antah	1872 hingga 1888
Tunku Muhamad	1888 hingga 1933
Tunku Abdul Rahman	1933 hingga 1960
Tuanku Munawir	1960 hingga 1967
Tuanku Jaafar	1967 hingga ...

Jadual 1: Raja-raja yang memerintah Negeri Sembilan sejak Raja Melewar⁴

Berbeza dengan raja-raja di negeri Melayu yang lain, Yang Dipertuan Besar di Negeri Sembilan sepatutnya tidak berkuasa. Baginda hanya berfungsi sebagai simbol keutuhan dan keadilan.⁵ Keutuhan kuasa Yamtuan yang dijemput itu dicabar pada awal kurun ke-19. Persaingan yang mengakibatkan Raja Labu diusir dan rebutan kuasa yang berlaku selanjutnya adalah manifestasi tidak puas hati anak-anak raja berketurunan

⁴Menurut Abdul Samad Idris, pada 1869 hingga 1872 Negeri Sembilan tidak mempunyai raja, ini disebabkan berlaku perbalahan di kalangan anak-anak raja yang merebut takhta kerajaan. Lihat dalam Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968, hal. 26

⁵Kuasa politik sebenarnya terserah kepada Penghulu Berlantik iaitu Penghulu yang melantik Yamtuan Besar, sekarang lebih biasa dikenali sebagai Dato Undang. Lihat dalam Nordin Selat, *The Concept of Leadership in Adat Perpatih, Adat Minangkabau, Elok Nagari Kerana Penghulu*, Kuala Lumpur, Museums Department, 1972, hal 73-98.

tempatan tentang kedudukan mereka mengikut adat yang selanjutnya mengakibatkan usaha-usaha untuk merebut kuasa memerintah. Persaingan politik telah melahirkan dua institusi baru iaitu Yamtuan Muda Rembau dan Yamtuan Muda Jelebu.⁶

Kemudian pada pertengahan kurun ke-19 berlaku pergelutan di Negeri Sembilan untuk mengawal satu-satu kawasan yang produktif atau kawasan-kawasan di sepanjang Sungai Linggi yang menghubungkan lombong Sungai Ujong dengan pelabuhan Melaka. Perang berulang kali berlaku di sepanjang Sungai Linggi sehingga eksport dan import tergendala. Hinggakan banyak kerugian ditanggung oleh saudagar-saudagar dan pemodal Negeri-negeri Selat terutama dari Melaka yang banyak memajukan perlombongan bijih timah.⁷ Pembesar-pembesar tidak menghiraukan tentang kesan jangka panjang yang akan dihadapi bila terus berebut kawasan yang dianggap sebagai hak mereka.

Keadaan semakin huru-hara apabila Yamtuan Besar Negeri Sembilan, Raja Imam mangkat pada tahun 1869. Persaingan untuk merebut kuasa menjadi begitu hebat sehingga Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu masing-masing memencilkan diri daripada kerajaan yang bersekutu dengan Negeri Sembilan. Setiap luak itu menggunakan undang-undang yang berlainan dalam wilayah kekuasaan sendiri hingga membawa pembubaran Negeri Sembilan. Keadaan ini turut membabitkan Luak Ulu Muar, di Kuala Pilah.⁸

⁶Kedua-dua institusi ini telah lenyap apabila British campurtangan dan mengambilalih pemerintahan Negeri Sembilan. Lihat dalam Nurhalim Haji Ibrahim, 'Adat Minangkabau sebelum zaman parapatih: Suatu Pengenalan Ringkas', *Warisan*, bil. 7(1982/83), hal. 31-42.

⁷Buyung Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hal 32.

⁸Ulu Muar terletak di dalam Daerah Kuala Pilah sekarang. Lihat dalam J.E. Nathan dan R.O. Winstedt, *Papers On Malay Subjects*, dan dalam Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, dibantu oleh Md. Sharif Bin Fakeh Hassan dan Nawawi Bin Haji Indek, Utusan Melayu Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1960, hal. 78.


Walaubagaimanapun pembubaran tidak juga mendatangkan keamanan di tiap-tiap luak. Keadaan di Sungai Ujong dan Rembau misalnya, membimbangkan pihak British pada awal 1870-an. Ekoran peristiwa tersebut, Inggeris mulai memberi perhatian berat tentang keamanan negeri-negeri Melayu termasuk Negeri Sembilan pada 1874-1875. Keadaan tidak stabil telah memberi peluang kepada Inggeris untuk meletakkan seorang penolong Residen British di Sungai Ujong pada tahun 1875. Peluang inilah yang sebenarnya ditunggu-tunggu oleh Inggeris bagi memudahkan mereka campurtangan di Negeri Sembilan.

Situasi ini menggambarkan Negeri Sembilan tidak bebas lagi mulai pertengahan 1870-an. Walaupun pentadbiran British pada waktu itu hanya diwujudkan di Sungai Ujong, pihak British sentiasa mencari ikhtiar untuk mempengaruhi wilayah-wilayah Melayu yang lain. Bagi memenuhi tujuan tersebut, British telah menggunakan khidmat Maharaja Abu Bakar untuk menyatukan wilayah-wilayah Negeri Sembilan yang mendirikan pemerintahan sendiri mengikut aturan pembesar tempatan.⁹

Selepas itu British dapat campurtangan dalam tiap-tiap daerah di Negeri Sembilan, sistem perlantikan Yamtuan Besar dan pentadbiran luak masih dikekalkan. Dalam masa inilah British mulai secara evolusi mengubah dan memperkenalkan pindaan-pindaan ke atas sistem tradisional. Salah satu daerah yang terdapat dalam peta Negeri Sembilan waktu itu ialah Kuala Pilah atau disebut juga *Luak Tanah Mengandung*¹⁰ dalam sistem pemerintahan adat perpatihnya. (Lihat peta 1)

⁹Lihat dalam Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hal.42-44.

¹⁰Luak Tanah Mengandung meliputi kawasan daerah Kuala Pilah pada waktu ini, di dalamnya mengandungi lima luak iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasing, dan Inas. Rujuk dalam Ramli Isnin, 'Kuala Pilah: Kebudayaan Warisan Terpelihara', *Dewan Masyarakat*, jilid 20 bil. 7 (15 Julai 1982), hal. 38-39.



Peta 1 : Pembahagian Luak Dalam Negeri Sembilan.

1.2 Kedudukan Luak Ulu Muar Dalam Pentadbiran Adat

Dalam sistem beradat, Negeri Sembilan terbahagi kepada tujuh buah daerah iaitu, Seremban, Port Dickson, Jelevu, Tampin, Rembau, Jempol dan Kuala Pilah. Mukim Ulu Muar adalah terletak di dalam Daerah Kuala Pilah. (Lihat peta 1) A. Samad Idris dalam '*Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*' ada menyebut, Negeri Sembilan mempunyai lima buah luak yang berkuasa. Empat luak yang utama iaitu, Jelevu, Sungai Ujong, Johol dan Rembau adalah diketuai oleh Undang yang menentukan kedudukan Yamtuan Besar Negeri Sembilan. Manakala Luak Tanah Mengandung hanya diketuai oleh Penghulu, menjadi orang besar di istana sahaja dan tidak berkuasa menentukan kedudukan Yamtuan yang memerintah.¹¹

Di dalam Luak Tanah Mengandung inilah letaknya wilayah adat yang dinamakan Luak Ulu Muar yang di ketuai oleh Dato Penghulunya yang pertama iaitu Penghulu Naam Bin Khatib Akhir Haji Salleh.¹² (Lihat peta 2) Penghulu Ulu Muar ini diberi gelaran Dato' Setia Maharaja Lela Pahlawan. Penghulu Luak Ulu Muar adalah berkuasa ke atas seluruh rakyat Ulu Muar melalui pegawainya yang digelar Dato' Lembaga yang mengetuai suku-suku yang terdapat dalam luak ini. Manakala Dato Lembaga pula akan memerintah Buapak-buapak yang mengetuai Perut-perut yang terdapat di dalam sesuatu suku.

¹¹Lihat dalam A. Samad Idris, Dharmala NS, Muhamad Tainu dan Norhalim Haji Ibrahim, *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*, Muzium Negeri Sembilan, Seremban, 1994, hal 18.

¹²Abdul samad Idris, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, Utusan Printcorp, Kuala Lumpur, 1969, hal.23. Lihat juga dalam, Abdul Rahman Bin Haji Mohammad, *Dasar-dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, hal. 66.

1.3 Kedatangan Adat Perpatih

Sumber kedatangan keturunan Minangkabau ke Luak Ulu Muar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan ada disebut oleh J.E. Nathan dan R.O. Winstedt dalam '*Papers On Malay Subjects*' seperti berikut;

“... Sultan Mahmud dikenali dalam sejarah sebagai Marhom Mangkat Dijulang. Beliau adalah keturunan terakhir daripada istana Melaka, dan beliau dibunuh dalam tahun 1699. Dari sinilah Ulu Muar mula dikenali sebagai salah satu negeri Melayu.”¹³

Kemudian di dalam versi Ulu Muar disebut:

“...Tujuh orang datang dari Hindustan. Nama mereka ialah Mogeek Si Ramo, Dato' Perdana, Dato Purba, Nenek Gadeh dan Banun... , Megat Seri Rama membuat penempatan pertamanya di sebatang sungai cabang daripada Sungai Muar itu. Dia menemui padi jenis yang dikenali sebagai 'Seri Bumi' dan tempat itu dinamakan Seri Menanti...”¹⁴

¹³Lihat dalam A. Samad Idris, Dharmala NS, Muhamad Tainu dan Norhalim Haji Ibrahim, *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*, Muzium Negeri Sembilan, Seremban, 1994, hal 18.

¹⁴Temubual dengan Dato' Bendahara Setia Maharaja, Setia Lela Pahlawan Dato' Abu Zarin Bin Sulaiman, Penghulu Luak Ulu Muar, pada 12 Julai 2000, di perkarangan Istana Lama Seri Menanti, Kuala Pilah.


Peringkat awal pentadbiran di Negeri Sembilan terbahagi kepada tiga period, seperti yang di sebut oleh J.E. Nathan dan R.O. Winstedt dalam '*Papers On Malay Subjects*' iaitu;

*" Period awal pentadbiran Negeri Sembilan dipecahkan kepada empat negeri Sakai, iaitu Sungai Ujong, Klang, Jelevu dan Johol; Peringkat peralihan dengan empat negeri Sakai kepada sembilan negeri Minangkabau di bawah kuasa Johor; Peringkat moden apabila sembilan Negeri Minangkabau itu membentuk kerajaan sendiri dengan perlembagaan bebas di bawah raja mereka bergelar Yang di-Pertuan Besar(Yamtuan). "*¹⁵

Adat perpatih berasal dari Minangkabau dan diasaskan di Negeri Sembilan sebelum kurun ke-17. Menurut beberapa sejarawan, kerajaan Minangkabau yang dikatakan berkuasa di seluruh Sumatera Barat, telah mencapai mercu keagungan pada kurun ke-14 Masehi. Ketika itu dikatakan wujud satu sistem *dual descent* di wilayah berkenaan iaitu kekuasaan perdagangan dan raja diasaskan kepada sistem *patrilineal*(nasab bapa), sedangkan kekuasaan tempatan dan pengawalan pengagihan tanah pada paras berkenaan didasarkan kepada sistem *matrilineal*(nasab ibu).

Sejarah kedatangan dan penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu amat berkait rapat dengan konsep merantau yang telah lama diwarisi. Menurut Marsden dan Wolters, orang-orang Minangkabau telah mula

¹⁵Lihat dalam A. Samad Idris, Dharmala NS, Muhamad Tainu dan Norhalim Haji Ibrahim, *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*, Muzium Negeri Sembilan, Seremban, 1994, hal 18.



Peta 3 : Kedatangan Masyarakat Minangkabau

sampai ke Semenanjung Tanah Melayu di sekitar akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12.¹⁶ Golongan orang Minangkabau yang datang merantau ini dengan tujuan untuk mencari penempatan baru dan untuk berniaga. Falsafah merantau ini tanpa disedari telah dijadikan sebagai suatu institusi dalam budaya Minangkabau. Orang-orang Minangkabau yang meneroka Negeri Sembilan mula-mula masuk dengan menyeberangi Selat Melaka dan kebanyakan mereka mendarat di Sungai Muar (Rujuk peta 3). Kemudiannya mereka mudik ke Sungai Muar sehingga sampai ke Kuala Pilah.

Menjelang abad ke-17 dan 18, faktor kedatangan orang Minangkabau dikaitkan dengan adat menjemput raja dari Pagaruyung. Adat ini atas cadangan penduduk Minangkabau kepada pembesar-pembesar tradisional di kampung-kampung yang berada di bawah kekuasaan dan naungan Sultan Johor. Menurut Wilkinson, diantara tahun 1721, Negeri Sembilan diperintah oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak yang menerima perakuan dari Yang Dipertuan iaitu Sultan Johor.¹⁷ Pengaruh Minangkabau yang berlanjutan dan keinginan menggantikan Undang-undang Johor dengan Hukum Adat Minangkabau semakin ketara. Lebih-lebih lagi, pengaruh kekuasaan Johor pada ketika itu bertambah lemah selepas terbunuhnya Sultan Mahmud II pada tahun 1699.¹⁸

Keadaan ini menyebabkan Johor tidak berupaya untuk mentadbir Negeri Sembilan dengan lebih berkesan. Lebih-lebih lagi pada ketika itu, Negeri Sembilan diancam oleh Kuasa Bugis yang diketuai oleh Daeng Kemboja yang bercita-cita menjadi raja di

¹⁶Norhalim Ibrahim, *Negeri Yang Sembilan: Daerah kecil Pesaka Warisan Berdaulat*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1995, hal. 47.

¹⁷R.O. Winstedt, History of Negeri Sembilan. Part I, *JMBRAS*, Vol. Part XII, Plate II, hal. 60-61.

¹⁸Ibid, hal 62.

Negeri Sembilan.¹⁹ Datuk-datuk Penghulu Luak di Kuala Pilah turut bersama menolak untuk berlutut kepada kekuasaan Bugis dan memohon kepada Sultan Johor iaitu Sultan Abdul Jalil IV mengizinkan mereka memiliki putera mahkota sendiri untuk memerintah Negeri Sembilan dan seterusnya mengusir Bugis keluar.²⁰

1.4 Struktur Pemerintahan Tradisional Kuala Pilah

Sistem pentadbiran tradisional di Kuala Pilah pada waktu tersebut berbeza dengan luak-luak lain. Pada waktu itu kawasan Kuala Pilah juga merangkumi wilayah Luak Tanah Mengandung. Penghulu adalah pemerintah yang tertinggi kepada penghulu-penghulu luak lain di Luak Tanah Mengandung. Beliau mempunyai ikatan kekeluargaan dengan istana di Seri Menanti. Kuasa lima Penghulu Luak di Tanah Mengandung iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas tidaklah setara dengan Undang Yang Empat terdiri daripada Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau.²¹ Fakta sejarah menunjukkan Luak Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi merupakan wilayah kecil yang pernah dimasukkan di bawah pentadbiran Undang Luak Johol. Apabila keluar daripada kekuasaan Undang Johol keempat tadi tidak lagi mempunyai kuasa yang besar seperti luak berundang. (Luak berundang ialah luak yang boleh menentukan Yamtuan Besar Negeri Sembilan)

Susur galur Penghulu Luak Ulu Muar mempunyai kaitan yang rapat dengan takhta kerajaan Negeri Sembilan. Ikatan tali persaudaraan antara Penghulu Luak Ulu Muar

¹⁹Winstedt R.O., *A History of Johore (1365-1865)*, *JMBRAS*, Vol.X, December 1932, hal. 6.

²⁰Abdul Samad Idris, *Payung Berkembang*, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur, 1990, hal 92.

²¹Undang Yang Empat berkuasa menentukan siapa yang berhak menduduki singhsana Yamtuan Seri Menanti bila Yamtuan yang ada mangkat.Lihat dalam Abdul Rahman Bin Haji Mohammad, *Dasar-dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, hal. 67.

dengan kerabat diraja Seri Menanti sudah bermula sejak Raja Melewar berkahwin dengan Sani anak perempuan Penghulu Naam, Penghulu Luak Ulu Muar yang pertama. Hubungan kekeluargaan itu kekal hingga sekarang.²²

Gelaran penyandang pesaka Penghulu Luak Ulu Muar memakai gelaran Dato' Bendahara Setia Maharaja, Setia Lela Pahlawan. Pesaka ini diwarisi oleh suku Biduanda yang menguatkan anggapan bahawa emaknya adalah daripada waris Biduanda berketurunan Orang Asli. Bertepatan pula mengenai Tengkis (atau Senduk Emas) di datangkan dari Luak Inas, dan bukan orang Minangkabau yang datang dari Singapura.

Proses perlantikan Penghulu Luak Ulu Muar pula akan berlaku apabila Dato' Penghulu meninggal dunia atau meletakkan jawatan (Jadual 2). Jika Dato' Penghulu Ulu Muar meninggal dunia, pesaka akan digantikan oleh Dato' Perdana, dengan pesaka Dato' Perdana pula diambil alih oleh Dato' Purba. Jawatan yang kosong iaitu Dato' Purba dijalankan perlantikan baru.²³ Gelaran Dato' Perdana dan Dato' Purba ini jelas diambil sempena dengan tokoh yang datang bersama Mogek Si Romo mudik Sungai Ulu Muar itu.

²²Tengku Aishah berkahwin dengan Yamtuan Hitam, adalah cucu Penghulu Naam, Tengku Tenok. Kemudian Yamtuan Antah (1872-1888) berkahwin dengan Cik Puan Halimah juga berketurunan Dato' Muar. Lihat dlm Ismail bin Adnan, 'Adat Perpatih di Negeri Sembilan', *Warisan*, bil. 1, Januari 1974, hlm. 11-16.


²³Kekosongan pesaka Dato' itu digantikan oleh perut dari waris Dato' Penghulu yang meninggal. Sekiranya Dato' Perdana atau Dato' Purba pula meninggal dunia, penggantinya diambil dari perut masing-masing bagi menjamin proses pemilihan Dato' Penghulu tidak terganggu mengikut aturan dan giliran masing-masing. Jika meletakkan jawatan; proses perlantikan apabila berlakunya perletakan jawatan tidak banyak mengubah aturan giliran. Kedudukan Dato' Perdana dan Dato' Purba tidak berubah. Pengganti Dato' Penghulu mestilah dari perut yang terdekat dengan Penghulu berkenaan. Cara memilih pengganti ini diterangkan dengan lanjut dalam A. Samad Idris, Dharmala NS, Muhamad Tainu dan Norhalim Haji Ibrahim, *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*, Muzium Negeri Sembilan, Seremban, 1994, hal 34.

Lima orang penghulu yang terawal menyandang pesaka tidak diketahui daripada perut mana. Namun selepas penghulu keenam ditetapkan tiga perut berhak secara bergilir-gilir menjadi Penghulu Luak Ulu Muar, Dato' Perdana dan Dato' Purba. Perut berkenaan terdiri daripada; Perut Pasir Panjang, Perut Gemetir dan Perut Kayu Ara. Nama penyandang pesaka Dato' Perdana dan Dato Purba ternyata sempena nama dua tokoh yang datang dari Singapura bersama Mogeek Si Romo Manakala perut Pasir Panjang pula sempena dari perkampungan yang diterokai oleh Mogeek Si Romo dan di kampung itulah juga tokoh berkenaan meninggal dunia.

Di samping Dato' Perdana dan Dato' Purba, seorang lagi tokoh daripada suku Seri Lemak Pahang bergelar Dato' Baginda Maharaja merangkap haluan sembah, kepada Penghulu Luak Pesaka ini bermula daripada Khatib Akhir atau nama sebenarnya ialah Haji Salleh iaitu ayah kepada Penghulu Naam. Ketika menjadi penghulu, Dato' Naam hanya berumur enam tahun. Dalam tempoh inilah ayahnya Khatib Akhir (Haji Salleh) membantu Penghulu Luak dalam pengurusan adat istiadat. Apabila Penghulu Naam dewasa dia telah menganugerahkan gelaran Dato' Baginda Maharaja sebagai seorang Besar Luak bertaraf lembaga. Semasa istiadat mengadap diistana Seri Menanti Dato' Baginda Maharaja mendahului Dato' Lembaga di Tanah Mengandung mengadap sebagai Lembaga.²⁴

²⁴ Tiap-tiap suku mempunyai seorang ketua yang digelar Dato' Lembaga. Gelaran ini masih digunakan hingga ke hari ini *Ibid*, hal. 28

Carta 1: Struktur Pentadbiran Luak Ulu Muar



Mengikut sumber lisan, Dato Seri Maharaja Khalid bin Bonget,²⁵ semasa bermula era menjemput raja dari Minangkabau, Panglima Bandan dan Panglima Bandot diutuskan ke Pagarruyung bagi tujuan tersebut. Istana Pagarruyung bersetuju menghantar puteranya Raja Mahmud bagi memenuhi permintaan penduduk-penduduk di Seri Menanti. Sebelum Raja Mahmud dirajakan, istana Pagarruyung mengarahkan Raja Khatib datang ke Seri Menanti membuat persiapan. Ketika bertemu Penghulu Naam sebaik sahaja sampai di

²⁵Dato ' Seri Maharaja Khalid bin Bonget ialah Lembaga Yang Empat daripada suku Mungkal.

Seri Menanti, Raja Khatib mengisytiharkan dirinya sebagai anak raja Minangkabau yang dijemput. Beliau berkahwin dengan anak Penghulu Naam dan mendakwa raja di Seri Menanti.

Apabila Raja Melewar atau Raja Mahmud sampai di Penajis, Rembau timbul kekeliruan mengenai raja sebenar yang akan menaiki takhta. Penghulu Naam terus mempertahankan Raja Khatib, hingga berlaku peperangan. Serangan pertama Raja Melewar dapat dipatahkan oleh Penghulu Naam menyebabkan Raja Melewar berundur ke Sepri. Setelah mendapat sokongan daripada Sungai Ujong, Raja Melewar berjaya mengalahkan Seri Menanti. Raja Khatib melarikan diri selepas kekalahan itu. Sementara Penghulu Naam telah dihukum pancung²⁶.

Sepanjang pentadbiran Tradisional di Ulu Muar ini kerap terjadi beberapa krisis di istana. Krisis yang paling memuncak ialah selepas mangkatnya Yamtuan Lenggang pada tahun 1824. Sebelum itu sudah berlaku krisis kecil disebabkan hanya raja dijemput sahaja yang menaiki takhta. Peristiwa Yamtuan Hitam menaiki takhta menimbulkan rasa tidak puashati kepada Tengku Totok Petera Raja Melewar. Apabila Yamtuan Hitam mangkat pada tahun 1808, puteranya Tengku Alang Husin turut tidak berpuas hati dengan perlantikan Yamtuan Lenggang (iparnya) menaiki takhta. Masalah raja dijemput kian

²⁶Menurut ceritanya setelah dipancung oleh Panglima Sultan Karu pada senjanya, keesokan harinya Penghulu Naam hidup semula dengan leher yang terpenggal bercantum. Terpaksalah Panglima Sultan Karu memancung kepala Penghulu Naam sekali lagi. Selepas dikebumikan Penghulu Naam balik semula ke rumah. Berpandukan wasiat Penghulu Naam, setelah dipancung kepalanya di tanam di Bukit Tempurung dan badannya dikebumikan di Bukit Tabuh. Temuramah dengan Dato Khalid bin Bonget, pada 15 Julai 2000, di telapak kediamannya di Taman Anngerik, Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan. Juga terdapat dalam Abdul samad Idris, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, Utusan Printcorp, Kuala Lumpur, 1969, hal.24-26.

meruncing sebaik sahaja Yamtuan Lenggang mangkat pada tahun 1824.²⁷ Ketika ini Pagarruyung juga sudah dijajah oleh Belanda mengikut perjanjian '*Anglo-Dutch*' 1824 itu.

Semenjak termaktub di bawah perlembagaan Negeri Sembilan, Luak Tanah Mengandung ini diletakkan di bawah kuasa Yamtuan Besar. Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung ini tidak terlibat secara langsung dalam pentadbiran Negeri Sembilan, malah mereka juga tidak menganggotai Dewan Keadilan dan Undang iaitu institusi tertinggi pelaksanaan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Mereka juga tidak boleh dipanggil Undang Luak seperti kedudukan Undang Yang Empat, tetapi dikenali sebagai Penghulu Luak²⁸ sahaja.

Walaubagaimanapun dalam aturan adat, Penghulu Luak berkuasa mentadbirkan pelaksanaan adat dalam luak masing-masing. Undang yang Empat juga tidak berhak mencampuri urusan adat di dalam lingkungan Luak Tanah Mengandung ini. Peraturan ini merupakan konsep agihan di kalangan ketua-ketua adat dengan tidak mengganggu hak

²⁷Pada waktu ini penghulu-penghulu luak telah sepakat supaya tidak menjemput lagi raja dari istana Pagarruyung. Dengan itu Raja Radin, Putera Yamtuan Lenggang dilantik menaiki takhta. Pemilihan Yamtuan Radin telah menimbulkan perebutan di kalangan anak-anak raja di Seri Menanti. Bagi meredakan krisis tahun 1826 Dato' Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujong Dato' Bahi telah menjemput Raja Laboh dari Sumatera untuk menaiki takhta dikenali sebagai Yamtuan Sati. Langkah ini dibantah keras oleh Penghulu Ulu Muar, Dato' Bongkok Abdul Malik. Peristiwa ini membawa kepada peperangan antara kedua belah pihak. Dalam tahun 1830 Dato' Bongkok Berjaya mengusir Yamtuan Sati balik ke Sumatera. Kebetulan tahun tersebut juga Dato Bahi meninggal dunia. Lihat dalam A. Samad Idris, Dharmala NS, Muhamad Tainu dan Norhalim Haji Ibrahim, *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*, Muzium Negeri Sembilan, Seremban, 1994, hal 33.

²⁸Jawatan Penghulu Luak Tanah Mengandung sebenarnya setara dengan Undang Yang Empat tetapi bidang kuasa mereka berbeda. Untuk penjelasan lanjut lihat Norhalim bin Haji Ibrahim. Adat Negeri Sembilan Melalui Masa, *Warisan* keluaran 17(1993), Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, hal. 35.

sesuatu pihak. Masing-masing telah ditetapkan kuasa mengikut batas tertentu, dan tanggungjawab mereka hanya terhadap bidang kuasa masing-masing sahaja.

Penghulu Luak di Tanah Mengandung tidak boleh menjatuhkan hukuman yang melibatkan kesalahan berat.²⁹Ini disebabkan wilayah Luak Tanah Mengandung itu sendiri di bawah kekuasaan Yamtuan Besar. Oleh itu setiap kes berat yang di luar kuasa Penghulu Luak, hendaklah dibawa kepada pengetahuan Yamtuan Besar untuk diselesaikan. Dalam hubungan ini bidang kuasa Penghulu Luak hanya menyelesaikan kes-kes yang dipanjangkan kepadanya setelah Dato' Lembaga tidak dapat menyelesaikannya.

Maknanya di sini dapat dikatakan, Penghulu Luak bertanggungjawab ke atas kes-kes yang dirujukkan kepadanya oleh Dato' Lembaga dan Buapak mengenai masalah yang berbangkit di kalangan anak-anak buah mereka. Misalnya masalah hanya dalam lingkungan 'perut'³⁰ mestilah dirujukkan kepada buapak, dan kalau melibatkan suku yang berlainan perut tempat mengadu ialah Dato' Lembaga. Jika masalah tersebut melibatkan suku-suku di dalam luak, maka dibawa ke balai Penghulu Luak.

Di Luak Tanah Mengandung ini juga konsep muafakat diamatkan dengan Penghulu Luak dilantik melalui muafakat Dato'-dato Lembaga. Jumlah Dato' Lembaga bergantung

²⁹Menurut Orang Kaya Bongsu Dato Mansor bin Shahman, Lembaga Suku Seri Melenggang, dalam pentadbiran tradisional itu bukan semua hukuman boleh diputuskan oleh penghulu, temuramah ini dilangsungkan di rumah tua, Kampung Dioh Kecil, Kuala Pilah, pada 23 Julai 2000.

³⁰Perut ialah unit politik terkecil dalam sistem kekeluargaan adat perpatih. Gabungan beberapa perut ini akan membentuk suku. Lihat Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Publication, Kuala Lumpur, 1982, hal 29.

kepada jumlah suku yang menetap di luak berkenaan. Terdapat dua belas sahaja suku ditetapkan dalam amalan adat perpatih Negeri Sembilan, dan tidak semestinya tiap-tiap luak mempunyai dua belas suku itu semuanya. Umpamanya Luak Gunung Pasir, umpamanya mempunyai enam suku sahaja dengan jumlah Dato' Lembaganya tujuh orang, kerana terdapat satu suku yang dipecahkan kepada dua. Di Luak Terachi terdapat enam suku dengan enam orang Dato' Lembaga, sementara Luak Ulu Muar mempunyai dua belas suku. Di Luak Inas hanya lima suku, tetapi satu suku berpecah kepada lima menjadikannya semuanya sembilan. Manakala Luak Jempol enam suku dan satu daripadanya berpecah kepada dua menjadikan Dato' Lembaganya tujuh.

Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung, selain daripada menjadi ketua adat mereka juga berfungsi sebagai pegawai-pegawai istana. Mereka bertanggungjawab kepada Yamtuan Besar Negeri Sembilan dalam segala urusan mengenai adat istiadat di istana Seri Menanti. Pembesar-pembesar ini akan menguruskan segala upacara adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti, terutama pertabalan Yamtuan atau berlakunya kemangkatan. Penghulu-penghulu Luak ini mengatur segala persiapan yang akan dilaksanakan bagi mendaulatkan takhta kerajaan.

Sebelum perlantikan seseorang Dato' Lembaga dibuat, menjadi amalan dalam adat perpatih diadakan kerapatan di kalangan anak-anak buah di dalam suku masing-masing 'mencari benih' iaitu tokoh yang layak bagi menyandang pesaka. Pemilihan dibuat inilah menjadi teras kepada konsep demokrasi sekarang, yang meletakkan kuasa memilih kepada majoriti rakyat. Di dalam suku yang mempunyai beberapa 'perut' ini diketuai oleh 'buapak' yang mengetuai kerapatan bagi memilih 'benih' itu. Kerapatan inilah

merupakan ‘muafakat’ yang mengumpulkan anak-anak buah.³¹

Di dalam pentadbiran tradisional, terdapat duabelas suku dalam Luak Ulu Muar. Bagaimanapun jumlah lembaganya ialah lapan belas orang yakni melebihi daripada jumlah sukunya. Keadaan ini disebabkan wujudnya ‘Lembaga Tambahan’ bagi melicinkan pentadbiran adat di kalangan anak-anak buah yang bertambah ramai ketika itu. Lembaga-lembaga yang dibantu oleh Buapak masing-masing menjadi penasihat utama kepada Dato’ Penghulu Luak melaksanakan peraturan adat. Struktur pentadbiran adatnya sama seperti yang dijalankan di Minangkabau. Jika di Minangkabau ‘Raja Nan Tigo Selo’ dibantu oleh ‘Basa Ampek’ maka di Luak Ulu Muar penghulunya diperkuatkan oleh ‘Lembaga Yang Empat’ sebagai ‘Tiang Balai’.

Kedudukan ‘Lembaga Yang Empat’³² lebih kanan daripada dato’ lembaga yang lain. Bagaimanapun mereka tidak mempunyai hak ke atas suku yang lain, kecuali dalam sukunya sahaja. Struktur pentadbiran dalam adat perpatih ialah suku diketuai oleh lembaga, manakala tiap-tiap suku pula mempunyai beberapa perut. Buapak adalah mengetuai tiap-tiap perut yang terlingkung dalam suku berkenaan. Suku-suku yang

³¹Sekiranya di dalam sesuatu suku mempunyai lebih daripada seorang buapak, mereka hendaklah hadir di dalam majlis kerapatan ini. Buapak daripada perut yang digilirkan, akan mengemukakan nama calon yang berhak menyandang bagi mendapatkan persetujuan dari semua buapak-buapak di dalam suku berkenaan. Calon yang dikemukakan itu adalah tokoh yang sudah diputuskan dalam kerapatan di dalam perutnya yang diadakan sebelum ini. Lihat dalam Norhalim Ibrahim, *Negeri Yang Sembilan: Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1995, hal. 54.

³²Lembaga yang empat: Kedudukannya adalah ‘Tiang Balai Penghulu Luak Ulu Muar’. ‘Tiang Kerajaan kepada Yamtuan Besar’ dan ‘Umpan pelayang kepada Keadilan. Mereka ini dikira lebih kanan daripada lembaga yang lain di Luak Ulu Muar. Temuramah dengan Dato Khalid Bonget, Batu Kikir, 15.7.2000.5

terdapat dalam lingkungan Luak Ulu Muar ialah; Tanah Datar, Muangkai, Seri Lemak Minangkabau, Seri Melenggang, Tiga Batu, Paya Kumbuh, Batu Belang, Anak Aceh, Batu Hampar, Seri Lemak Pahang, Tiga Nenek dan Biduanda Sungai Ujong.

Bidang kuasa Dato' Lembaga dalam pentadbiran tradisional ini juga berbeza dengan apa yang dijalankan pada waktu ini. Lembaga dibahagikan kepada tiga, iaitu Lembaga Yang Empat, Lembaga Yang Delapan, dan Lembaga Tambahan. Dengan empat orang 'Lembaga Tambahan' itu menjadikan jumlah semua Dato' Lembaga ialah enam belas. Bagaimanapun dua orang lagi pembesar iaitu Dato' Baginda Maharaja dan Dato' Perdana(bakal Penghulu) dikira bertaraf lembaga menjadikan jumlah semua lembaga ialah lapan belas orang.

GELARAN PESAKA	SUKU
Dato' Paduka Besar	Tanah Datar
Dato' Seri Maharaja	Mungkal
Dato' Senara Muda	Seri Lemak Minangkabau
Dato' Orang Kaya Bongsu	Seri Melenggang

Jadual 2: Bilangan Empat Lembaga Utama Luak Ulu Muar

1.5 Susunan Sosial Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar

Secara umumnya, masyarakat adat di Luak Ulu Muar, Kuala Pilah terdiri daripada 12 suku, iaitu Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Sri Semelenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Melaka, Anak Aceh dan Tiga Batu. Masyarakat adat ini menjalani kehidupan di dalam struktur masyarakat yang di bahagikan kepada beberapa organisasi seperti suku, perut, ruang, dan rumpun³³.

1.5.1 Suku

Suku adalah kelompok kekeluargaan yang besar dalam struktur masyarakat Adat Perpatih. Ahli-ahli yang sama suku menganggap mereka sebagai adik beradik dan pertalian rapat hinggalah tidak boleh berkahwin. Keahlian di dalam sesuatu suku adalah kekal sepanjang hidup seseorang ahli masyarakat. Manakala keanggotaan di dalam sesuatu suku berdasarkan nasab kelahiran sebelah ibu ataupun *upacara kadim*.³⁴

Tiap-tiap suku ini diketuai oleh Dato' Lembaga yang mempunyai kuasa memerintah melalui Buapak-buapak yang dipilih oleh anak buah masing-masing. Sebarang permasalahan yang melibatkan rakyat di dalam sesuatu suku akan diselesaikan oleh Dato' Lembaga yang dibantu serta mendapat maklumat daripada Buapak-buapak tersebut.

³³ Abdul Rahman Bin Haji Mohammad, *Dasar-dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, hal. 68.

³⁴ A.A. Navis, *Alam Terkembang Jadi Guru*, Penerbitan Grafiti Pers, Jakarta, 1984, hal. 47.

1.5.2 Perut

Di dalam suku pula masyarakat akan dipecahkan lagi kepada kelompok yang lebih kecil iaitu perut. Perut ini merupakan kelompok kekeluargaan yang berasal daripada satu keturunan moyang yang sama. Hubungan kekeluargaan dalam sesuatu perut itu lebih jelas dan rapat. Kerjasama di kalangan ahli seperut dalam sebarang majlis kekeluargaan adalah wajib dihadiri. Menurut Norhalim Ibrahim, sebelum melakukan atau menjalankan sebarang aktiviti sosial, ekonomi atau politik, ahli seperut akan dikumpulkan dalam satu majlis yang dinamakan berkampung³⁵

Tiap-tiap perut akan diketuai oleh Buapak, yang juga dipilih oleh anak-anak buahnya setelah mendapat persetujuan dan sokongan majoriti. Bidang tugas buapak ini adalah ke atas anak-anak yang seperut dengannya sahaja. Manakala perut lain akan ditadbir pula oleh buapak yang dipilih sendiri oleh anak-anak buah. Buapak boleh dipecat daripada menyandang pusakanya di atas sebab-sebab kesalahan seperti cuai menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa dan berkelakuan yang bersalahan dengan aturan adat dan pusaka. Pihak yang berhak memecatnya ialah anak buah yang terdiri dari ahli perutnya dan pemecatan tersebut mesti disahkan oleh Lembaga.

³⁵Norhalim Ibrahim, *Negeri Yang Sembilan: Daerah kecil Pesaka Warisan Berdaulat*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1995, hal.9.

1.6 Kesimpulan

Dalam perbincangan tadi kita dapat menelusuri tentang sejarah wujudnya Negeri Sembilan dan juga kedatangan orang Minangkabau membuka kawasan di Negeri Sembilan, telah membawa bersama sistem sosial dan konvensi budaya tempat asal mereka. Oleh kerana di petempatan baru ini telah sedia ada sistem nasab ibu, maka berlaku adaptasi selari dengan keperluan dan kehendak keadaan persekitaran baru. Namun begitu prinsip dasar sistem adat Minangkabau dikekalkan. Justeru itu, dan melalui masa terjelmalah suatu sistem sosial dan konvensi budaya yang secara keseluruhan dikenali sebagai adat perpatih.

Dalam perjalanan pentadbiran perpatih tradisional dapat dilihat persamaan dengan sistem adat di Minangkabau. Terutama sekali dari segi struktur, namun secara keseluruhan dan terperinci adat perpatih bukannya adat Minangkabau seperti yang difahamkan oleh orang-orang Minangkabau di Sumatera Barat. Masyarakat adat perpatih Ulu Muar, Kuala Pilah adalah unik. Sistem masyarakat ini wujud hasil gabungan antara ciri-ciri Minangkabau dan tempatan, sebagai teras dengan adat anak watan tempatan. Ada dua cara gabungan berlaku seperti perkahwinan dan pengakuan hak anak watan. Kesan daripada itu terbentuklah adat Minangkabau yang diadaptasi oleh masyarakat Kuala Pilah.

Masyarakat Adat Perpatih Kuala Pilah ini keseluruhannya adalah mengamalkan sistem nasab mengikut ibu. Termasuk dalam kategori ini ialah anggota-anggota perut dan suku yang dianggap sedarah kerana berasal dari moyang perempuan yang sama turun-temurun di sebelah perempuan. Kehidupan mereka lebih rapat di kalangan keluarga sebelah ibu. Dalam pentadbiran daerah tradisionalnya mereka di bahagikan kepada luak.

Di sinilah masyarakat tersebut diperintah menggunakan Adat Perpatih yang menyeluruh dalam praktiknya. Di samping meliputi perundangan hidup yang tergolong kepada undang-undang jenayah, awam dan kekeluargaan.

Konsep kehidupan masyarakat adat perpatih Luak Ulu Muar pada masa itu adalah suatu negeri yang mengandungi kelompok-kelompok kekeluargaan terdiri daripada lapisan atau peringkat kelompok keturunan. Setiap satu lapisan itu mempunyai wilayah sendiri. Kelompok-kelompok kekeluargaan itu juga mempunyai suatu hierarki kepimpinan berdasarkan kelompok keturunan. Kelompok keturunan tersebut, mengikut saiz dan lapisan atau peringkat adalah suku iaitu kelompok terbesar, diikuti oleh perut, ruang dan rumpun.

Setelah penjajah Inggeris berjaya menguasai seluruh Negeri Sembilan, Residennya Martin Lister telah menyatukan semula Negeri Sembilan. Luak-luak yang terpisah disatukan semula. Penyatuan ini ditandatangani pada 18 Mac 1889, di antara Yamtuan Besar Tunku Muhamad Shah dengan Datuk-datuk Undang Luak. Pada tahap ini bentuk politik berperwakilan berdasarkan kelompok kekeluargaan yang bercirikan kehidupan politik tradisional telah terhakis secara perlahan-lahan. Masyarakat yang mengamalkan adat Perpatih terpaksa menerima beberapa perubahan walaupun secara evolusi tetapi cukup untuk menyekat ketua-ketua adat melaksanakan segala perundangan nenek moyang mereka.

BIBLIOGRAFI

Buku Rujukan

- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Abdul Rahman Mohamad. 1964. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: PT Gunung Agung.
- Anwar Ibrahim. 1997. *Gelombang Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azam dan Mohd Akhir Yaacob. 1975. *Prinsip Prinsip Perundangan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bauer. 1948. *The Rubber Industry*. Harvard: Cambridge Harvard University Press.
- Ding Eing Tan Soo Hai. 1964. *The Rice Industry in Malaysia, Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hasbi Ash Shiddieqy. 1973. *Fiqhul Mawaris, Hukum-hukum Warisan dalam Syariat Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hooker. M.B. 1970. *Adat Law in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hua Wu Yin. 1983. *Class and Communalism in Malays*. London: Zed Book Ltd.
- Ibrahim Saad. 1968. *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Ambia. 1959. *Pentadbiran Adat Perpatih Negeri Sembilan*. Singapore: Universiti Malaya.

- Josselin de Jong P.E. 1952. *Minangkabau and Negeri Sembilan, Sosio-Political Structure In Indonesia*. Leiden:Eduard Ijdo N.V.
- Khasnor Johan. 1979. "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Perubahan Dalam Konteks Kajian Penjajah" *Dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 1972. *The Western States 1850-1873*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Martin. 1974. *Education as Cultural Imperialism*. New York: David Mackay Co.Inc.
- M. Ali Hasan. 1973. *Hukum Warisan dalam Islam dengan Undang-undang Adat*. Jakarta:Bulan Bintang.
- Maxwell . W.G. dan Gibson. 1924 . *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, ., London:Fruscott and Son Ltd.
- Nash. J dan Fernandez-Kelly. M.P. 1983. *Women, Men and International Division of Labour*.Albany: Suny Press.
- Norhalim Haji Ibrahim. 1976. *Social Change and Continuty in the Matrilineal Society of Negeri Sembilan*. Hull: University of Hull.
- Norhalim Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaannya dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur:Penerbit Fajar Bakti.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pusaka Adat, Warisan Kerajaan Berdaulat*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Nordin Selat. 1978. *Renungan*. Kuala Lumpur:Utusan Publications and Distributions.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Norazit Selat. 1990. Tanah Terbiar Di Zaman Pembangunan, *Negeri Sembilan Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur :Muzium Negara.
- Ooi Jin-Bee. 1968. *Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Ishak. 1982. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*. , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Peletz. M.1983. *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Negeri Sembilan*. Machigan: The University of Machigan.

- Peletz. M.G. 1988. *A Share of The Harvers: Kinship, Property and Social History Among The Malays of Rembau*. London: University of California.
- Roberta. S. 1970. *Learning About Politic*. New York: Random Hause.
- Sadka. E. 1968. *The Protected Malay States 1874-1896*. Kuala Lumpur: University of Malays Press.
- Sutcliffe. G. 1968. *A Short History of Education In Negeri Sembilan*. London: University of London.
- Sheppard. M. 1965. *A Short History of Negeri Sembilan*. Singapore: Eastern Universities.
- Toffler. A. 1978. *The Third Wave*. New York: Lomngman Inc.
- Tsuyoshi Kato(terj.). 1989. *Nasab Ibu dan Merantau: Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vip Vat Hoong. 1969. *The Development of the Tin Mining In Malaya*. Kuala Lumpur :University Malaya Press.
- William.R. 1967. *Origin of Malay Nationalism*. New Neven:Yale University Press.
- Wong Lin Ken. 1965. *The Malay Tin Industry to 1914*. Arizona: University of Arizona Press.

Jurnal

- Amarjit Kaur. 1989. The Malay Peninsula in the Nineteenth Century: An Economic Survey. *Sarjana*,.
- Cheng Siok Hwa. 1969. "The Rice Industry of Malaya: An Historical Survey". *JMBRAS*. XLII. 2.
- Nathan. J.E. Winstedt. R.O. 1920. "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi". *Papers on Malay Subjects*. 2nd series. Federated Malay States. Culcutta.
- Norhalim Haji Ibrahim. Adat Negeri Sembilan Melalui Masa. Dalam *Warisan*. Keluaran 17. 1983. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia. Cawangan Negeri Sembilan

- Norhalim Ibrahim. 'Adat Perpatih: Sejarah dan Sistem Sosial'. dalam *Budaya Negeri* 11/12 1993.
- Taylor. E.N. 1948. "Aspects of Customary Inheritance in Negeri Sembilan". *JMBRAS* 21 (1948). pt. 2
- Thio. E. 1962. "The British Forward Movement In The Malay Peninsular 1880-1889". *Papers on Malayan History*. Singapore: Tregonings.
- Resident General Circular No. 5 of 1897, Negeri Sembilan, *Government Gazette*,
- Sheehan. J.J. dan Abdul Aziz. "Adat Kuala Pilah". *JMBRAS*. 14(3). 1936.
- Zainal Abidin Borhan. 1989. *Fenomena 2*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Kertas Seminar

- Abbas Ali. 1974. "Sebahagian Dari Dasar Adat Perpatih. Dalam *Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih*. Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan. April 10-12 .
- Abdullah Siddik. 1974. "Adat dan Modenisasi". *Seminar Pensejaraan Adat Perpatih*. Anjuran MBNS.
- Abdul Samad Idris. 1974. 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih'. Dalam *Seminar Pensejaraan dan Adat Perpatih*. Seremban.
- Jaafar Muhamad dan Abdul Shukor Ariffin. Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera. Kumpulan *Kertas Kerja* 3. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Lim Man Hui. 1982. 'Catalism and Industrialization in Malaysia'. dalam *Bulletin of Concerned Asian Scholars*. 14(1) :32-47.
- Mohd .Dahlan. 1984. "Sistem Idea Dalam Masyarakat Adat". *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*. Universiti Pertanian Malaysia. Serdang.
- Nadzan Haron. 1992. 'Sistem Pewarisan Dalam Adat Perpatih. *Kertas Kerja Warisan Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi September.

Nathan. J.E. Winstedt. R.O. 1920. "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi". *Papers on Malay Subjects*. 2nd series. Federated Malay States. Culcutta.

Shamsul Amri. 1992. "Sistem Politik dan Ekonomi Adat Perpatih". *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Sheehan. J.J. dan Abdul Aziz. 1936. "Adat Kuala Pilah". *JMBRAS*. 14(3).

Taha Abdul Kadir. 1988. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih Masa Kini". *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. September 17-18.

Taha Abd. Kadir. 1980. "Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari di Negeri Sembilan Dalam Menghadapi Perubahan Sosio Ekonomi. Dalam *Seminar International mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau*.

DOKUMEN

Collector and Magistrate of Sri Menanti, Malay Grants Book. No. 1, 1887, hal 87. (Simpanan Pejabat Tanah Kuala Pilah)

Enakmen Pemegangan Adat, Bab 215. Customary Tenure Enactment.

Resident General Circular No. 5 of 1897. Negeri Sembilan. *Government Gazette*. 1897

Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1973. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Malaysia.

LATIHAN ILMIAH

Norhalim Ibrahim. 1971. 'Kekeluargaan dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa di Rembau. Negeri Sembilan. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.

SENARAI INFORMAN

Dato' Bentara Setia Maharaja Abu Zarin Bin Sulaiman,
Penghulu Luak Ulu Muar

Dato' Orang Kaya Mempasir Setiawan Mansor Bin Gempam
Penghulu Luak Gunung Pasir,
Seri Menanti.

Dato' Orang Kaya Kechil Haji Yaacob Bin Adi,
Lembaga Suku Anak Acheh,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.

Dato' Orang Kaya Bongsu Mansor Bin Shahman,
Lembaga Suku Seri Semelenggang,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.

Dato' Seri Maharaja Khalid Bin Bonget,
Lembaga Suku Mungkal,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.


Ustaz Ahmad Siffian,
Pegawai Penyelidikan,
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam,
Negeri Sembilan.

Ustaz Hasyim Bin Abdul Ghani,
Pengetua Ma'ahad Ittiba'a Al-Sunnah,
Kuala Pilah.

Haji Mohd Murtadza Bin Haji Ahmad,
Mufti Kerajaan Negeri,
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam,
Negeri Sembilan.

GLOSARI

1. Orang semenda : Orang mendatang
2. Tempat menda : Penduduk asal
3. Waris pesaka : Perempuan
4. Sekedim : Saudara
5. Kebulatan : Sebulat suara setuju
6. Seadat : Apabila tempat menda berkumpul
7. Dikampungkan : Dikumpulkan
8. Mamak : Bapa saudara
9. Saka : Sudah terlalu lama
10. Buapak : Ketua perut
11. Sandar menyandar : Saling memerlukan
12. Waris : Saudara
13. Menyeraya : Minta tolong
14. Suku : Kaum keluarga seketerunan daripada sebelah ibu
15. Adat semenda menyemenda tak hujan dek panas : Aturan hidup berkeluarga
16. Kadim : Saudara baru yang diterima sebagai anggota suku melalui proses adat
17. Lembaga : Seorang yang dilantik ketua suku bagi mengepalai penyelesaian dalam kes tanah pusaka sekiranya terjadi kekusutan dan untuk menjaga ketenteraman anak buah dalam masalah adat, perkahwinan dan pergaduhan yang berpunca



Dato' Abu Zarin bin Sulaiman, PPS (Sel)

*Dato' Bendahara Setia Maharaja
Setia Maharaja Lela Pahlawan
Penghulu Luak Ulu Muar*



Dato' Hj. Yaakob Ali
(Dato' Orang Kaya Kecil)



Dato' Sulaiman bin Mat Kasan
(Dato' Maharaja)



Dato' Hj Adnan bin Hj Mohd Sharif
(Dato' Maharaja Lela)



Dato' Ujang bin Idam
(Dato' Penghulu Dagang)



Dato' Ibrahim bin Hj Salleh
(Dato' Semaharnia)



Dato' Abu Hassan Sulaiman
(Dato' Paduka Besar)



Dato' Khalid Bonget
PJK, PK
(Dato' Seri Maharaja)



Dato' Hj. Pilus Maaris
(Dato' Senara Muda)



Dato' Md. Shah Idris
(Dato' Syahbandar)



Dato' Yaakob Sudin PJK
(Dato' Peda Maharaja)

PENGHULU DAN LEMBAGA LUAK ULU MUAR

- | | |
|--|--|
| 1. Dato' Bendahara Setia Maharaja.
Setia Maharaja Lela Pahlawan
(Dato' Abu Zarin bin Sulaiman) | - Penghulu Luak Ulu Muar
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 2. Dato' Perdana
(Dato' Sulaiman b. Sutan) | - Bakal Penghulu Luak
Suku Biduanda Waris.
Lantai Kulit. |
| 3. Dato' Perba
(Dato' Nor Azin Al-Ain) | - Bakal Dato' Perdana
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 4. Dato' Baginda Maharaja
(Dt. Abdullah bin Hussin) | - Haluan Sembah dan Serempu
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 5. Dato' Shahbandar
(Dt. Md. Shah b. Idris) | - Suku Biduanda Waris
Lantai Kulit. |

Haluan Sembah


- | | |
|--|--------------------------|
| Dato' Baginda Maharaja
(Dt. Mohd Zain bin Ujud) | - Suku Seri Lemak Pahang |
|--|--------------------------|

Lembaga Yang Empat.

- | | |
|--|------------------------------|
| 1. Dato' Paduka Besar
(Dt. Abu Hassan b. Sulaiman) | - Suku Tanah Datar |
| 2. Dato' Seri Maharaja
(Dt. Khalid Bonget PJK., PK) | - Suku Mungkal |
| 3. Dato' Senara Muda
(Dt. Hj. Pilus Maaris) | - Suku Serilemak Minangkabau |
| 4. Dato' Orang Kaya Bongsu
(Dt. Hj. A. Aziz Mohd Nor) | - Suku Seri Melenggang |

SUSUNAN PENTADBIRAN SUKU TANAH DATAR LUAK ULU MUAR

(STRUKTUR PENTADBIRAN ADAT)



Nota : i) BESAR WARIS pada setiap satu perut/carak adalah walid buapak/penolong buapak/ timbalan buapak bertugas menjalankan tugas-tugas buapak di dalam perut carak yang ditetapkan itu saja.

ii) BESAR WARIS bukan di pilih tetapi dilantik oleh lembaga bila mana berlaku kekosongan.



COP MOHOR
PENGHULU LUAK ULU MUAR

Lembaga Yang Delapan.

- | | |
|--|------------------------------|
| 1. Dato' Peda Maharaja
(Dt. Hj. Yaakob b. Sudin) | - Suku Tiga Batu |
| 2. Dato' Senara Kaya
(Dt. Hj. Idris Tain) | - Suku Paya Kumbuh |
| 3. Dato' Senara Angsa
(Dt. Hj. Nordin A. Hamid) | - Suku Batu Belang |
| 4. Dato' Orang Kaya Kecil
(Dt. Hj. Yaacob b. Adi) | - Suku Anak Acheh |
| 5. Dato' Maharaja
(Dt. Sulaiman b. Kasan) | - Suku Batu Hampar |
| 6. Dato' Bangsa Balang
(Dt. Hj. Abu Hassan b. Ali) | - Suku Seri Lemak Pahang |
| 7. Dato' Maharaja Lela
(Dt. Hj. Adnan b. Hj. Mohd Sharif) | - Suku Tiga Nenek |
| 8. Dato' Baginda Raja
(Dt. Yazid b. Mohd Nor). | - Suku Biduanda Sungai Ujong |

Lembaga Tambahan

- | | |
|--|-------------------------------|
| 1. Dato' Penghulu Dagang
(Dt. Ujang b. Idam) | - Suku Binduanda Jawa |
| 2. Dato' Orang Kaya Muda | - Suku Seri Lemak Minangkabau |
| 3. Dato' Perdana
(Dt. Ali b. Ismail) | - Suku Tanah Datar |
| 4. Dato' Seri Maharaja
(Dt. Hj. Ibrahim b. Hj Salleh) | - Suku Mungkal |

